

Bil. S 26

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (BIDANGKUASA ADMIRALTI), 1996

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 83(3), dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :–

- | | |
|---|--|
| <p>1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Bidangkuasa Admiralty), 1996.</p> <p>(2) Perintah ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 hari-bulan Oktober, 1996.</p> <p>2. (1) Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –</p> <p style="margin-left: 20px;">"peraturan-peraturan pelanggaran" bermakna peraturan-peraturan di bawah bab 103 dari Akta Perkapalan Pedagang ;</p> <p style="margin-left: 20px;">"barang-barang" termasuk bagasi ;</p> <p style="margin-left: 20px;">"juragan" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Perkapalan Pedagang ;</p> <p style="margin-left: 20px;">"kapal" termasuk sebarang jenis kapal yang digunakan dalam pelayaran ; dan termasuk hoverkraf ;</p> <p style="margin-left: 20px;">"penundaan" dan "pemaliman", berkenaan dengan sebuah pesawat udara, bermakna penundaan dan pemaliman semasa pesawat udara itu bergerak di atas air.</p> | <p>Gelaran
dan
permulaan
kuatkuasa.</p> <p>Tafsiran.</p> <p style="margin-top: 40px;">Penggal 145.</p> <p style="margin-top: 40px;">Penggal 145.</p> |
|---|--|

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini boleh –

- (a) ditafsirkan sebagai menghadkan bidangkuasa Mahkamah Tinggi untuk enggan melayan suatu tindakan bagi mendapatkan upah oleh juragan atau ahli krew sesebuah kapal, yang bukan kapal Negara Brunei Darussalam ;
- (b) menjaskankan peruntukan-peruntukan Akta Perkapalan Pedagang yang memberikan kuasa kepada seseorang penerima kandasan untuk menahan sesebuah kapal berkaitan dengan tuntutan salvaj ; atau

Penggal 145.

Bidangkuasa
Admiralti
Mahkamah
Tinggi.

- (c) membenarkan prosiding in rem berkaitan dengan sebarang tuntutan terhadap Kerajaan Negara Brunei Darussalam, atau penangkapan, penahanan atau penjualan sebarang kapal Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau pesawat udara Kebawah Duli Yang Maha Mulia, atau sebarang kargo atau harta lain kepunyaan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

3. (1) Bidangkuasa Admiralti Mahkamah Tinggi adalah seperti berikut, iaitu –

- (a) bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan sebarang persoalan dan tuntutan yang disebutkan dalam ceraian (2) ;
- (b) bidangkuasa berkenaan dengan sebarang prosiding yang disebutkan dalam ceraian (3) ;
- (c) sebarang bidangkuasa Admiralti lain yang dipunyainya sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini ; dan
- (d) sebarang bidangkuasa yang berkaitan dengan kapal atau pesawat udara yang terletak pada Mahkamah Tinggi selain bab ini.

(2) Persoalan-persoalan dan tuntutan-tuntutan yang disebutkan dalam ceraian (1)(a) adalah –

- (a) sebarang tuntutan terhadap pemilikan atau pemunyan sesebuah kapal atau pemilikan sebarang saham di dalamnya ;
- (b) sebarang persoalan yang berbangkit di antara pemilik-pemilik bersama sesebuah kapal tentang pemilikan, penggunaan atau pendapatan kapal itu ;
- (c) sebarang tuntutan berkaitan dengan suatu gadaijanji atau cagaran ke atas sesebuah kapal atau sebarang saham di dalamnya ;
- (d) sebarang tuntutan kerana kerosakan yang dialami oleh sesebuah kapal ;
- (e) sebarang tuntutan kerana kerosakan yang dilakukan oleh sesebuah kapal ;

- (f) sebarang tuntutan kerana kehilangan nyawa atau kecederaan diri yang dialami akibat dari sebarang kerosakan pada sesebuah kapal atau pada peralatan atau kelengkapan-nya, atau akibat dari perbuatan salah, kecuaian atau keingkarana –
- (i) pemilik, pencatar atau orang yang memiliki atau mengawal sesebuah kapal ; atau
- (ii) juragan atau krew sesebuah kapal, atau mana-mana orang lain yang kerana perbuatan salah, kecuaian atau keingkarannya adalah tanggungjawab pemilik, pencatar atau orang yang memiliki atau mengawal sesebuah kapal,
- iaitu suatu perbuatan, kecuaian atau keingkarana dalam pelayaran atau pengurusan sesebuah kapal, dalam memuat, mengangkut atau memunggah barang-barang di atas, di dalam atau dari kapal itu, atau dalam mengambil, mengangkut atau menurunkan orang di atas, di dalam atau dari kapal itu ;
- (g) sebarang tuntutan kerana kehilangan atau kerosakan pada barang-barang yang diangkut di dalam sesebuah kapal ;
- (h) sebarang tuntutan yang berbangkit dari sebarang perjanjian berkenaan dengan pengangkutan barang-barang di dalam sesebuah kapal atau penggunaan atau penyewaan sesebuah kapal ;
- (i) sebarang tuntutan yang bersifat salvaj (termasuk sebarang tuntutan yang berbangkit kerana pengenaan, menurut atau di bawah sebarang undang-undang, undang-undang berkenaan dengan usaha menyelamatkan pesawat udara dan peralatan dan kargonya) ;
- (j) sebarang tuntutan yang bersifat penundaan berkaitan dengan sesebuah kapal atau pesawat udara ;
- (k) sebarang tuntutan yang bersifat pemaliman berkaitan dengan sesebuah kapal atau pesawat udara ;
- (l) sebarang tuntutan berkaitan dengan barang-barang atau bahan-bahan yang dibekalkan ke sesebuah kapal bagi pengendalian atau penyenggaraannya ;

- (m) sebarang tuntutan berkaitan dengan pembinaan, pembaikan atau kelengkapan sesebuah kapal atau caj atau bayaran limbungan ;
 - (n) sebarang tuntutan oleh juragan atau ahli krew sesebuah kapal bagi mendapatkan upah (termasuk sebarang jumlah wang yang diperuntukkan dari upah atau diputuskan oleh seseorang penguasa kena dibayar dengan cara upah) ;
 - (o) sebarang tuntutan oleh juragan, pengangkut, pencatar atau agen berkaitan dengan pembayaran yang dibuat kerana sesebuah kapal ;
 - (p) sebarang tuntutan yang berbangkit dari suatu perbuatan yang merupakan atau diakui sebagai perbuatan awar am ;
 - (q) sebarang tuntutan yang berbangkit dari botomri ;
 - (r) sebarang tuntutan bagi perlucutan hak atau perisyntiharan tidak selamat untuk digunakan akan sesebuah kapal atau barang-barang yang diangkut atau telah diangkut, atau cuba diangkut, di dalam sesebuah kapal, atau bagi membaik pulih sesebuah kapal atau mana-mana barang itu setelah dirampas.
- (3) Prosiding yang disebutkan dalam ceraian (1)(b) adalah –
- (a) sebarang permohonan kepada Mahkamah Tinggi di bawah Akta Perkapalan Pedagang, selain suatu permohonan di bawah bab 46 dari Akta itu bagi perlantikan seseorang untuk bertindak sebagai pengganti seseorang yang tidak berupaya untuk bertindak ;
 - (b) sebarang tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan kerana kerosakan, kehilangan nyawa atau kecederaan diri yang berbangkit dari –
 - (i) suatu pelanggaran di antara kapal-kapal ;
 - (ii) pelaksanaan atau tidak melaksanakan suatu pengendalian dalam hal salah sebuah atau lebih daripada dua buah kapal atau lebih ; atau
 - (iii) tidak mematuhi, di pihak salah sebuah atau lebih daripada dua buah kapal atau lebih, peraturan-peraturan pelanggaran ;

Penggal 145.

- (c) sebarang tindakan oleh pemilik-pemilik kapal atau orang-orang lain di bawah Akta Perkapalan Pedagang bagi penghadan jumlah liabiliti mereka berhubung dengan sebuah kapal atau harta lain.

(4) Bidangkuasa Mahkamah Tinggi di bawah ceraian (2)(b) termasuk kuasa untuk menyelesaikan sebarang akaun yang masih belum dijelaskan dan belum lunas di antara pihak-pihak tersebut berkenaan dengan kapal itu, dan untuk mengarahkan bahawa kapal itu, atau sebarang sahamnya, hendaklah dijual, dan untuk membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah itu.

(5) Sebutan dalam ceraian (2)(i) kepada tuntutan yang bersifat salvaj termasuk sebutan kepada tuntutan bagi perkhidmatan yang diberikan dalam menyelamat nyawa daripada sesebuah kapal atau pesawat udara atau dalam menjaga kargo, peralatan atau kandasan yang, di bawah Akta Perkapalan Pedagang atau sebarang undang-undang berkenaan dengan penerbangan awam dibenarkan untuk dibuat berhubung dengan sebuah kapal atau pesawat udara.

Penggal 145.

(6) Peruntukan-peruntukan bab ini yang terdahulu dikenakan –

- (a) berhubung dengan semua kapal atau pesawat udara sama ada kepunyaan Negara Brunei Darussalam atau tidak dan sama ada berdaftar atau tidak dan di mana sahaja pemilik-pemiliknya bermastautin atau berdomisil ;
- (b) berhubung dengan semua tuntutan, di mana sahaja berbangkit (termasuk dalam hal kargo atau usaha menyelamat kandasan, tuntutan berkaitan dengan kargo atau kandasan yang dijumpai di daratan) ; dan
- (c) setakat mana ia berkaitan dengan gadaijanji dan cagaran, kepada semua gadaijanji atau cagaran, sama ada berdaftar atau tidak dan sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, termasuk gadaijanji dan cagaran yang diwujudkan di bawah undang-undang asing.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam ceraian (6) boleh ditafsirkan sebagai meluaskan kes-kes di mana wang atau harta boleh didapatkan kembali di bawah sebarang peruntukan Akta Perkapalan Pedagang.

Penggal 145.

4. (1) Tertakluk kepada bab 5, suatu tindakan in personam boleh diambil di Mahkamah Tinggi dalam semua kes di dalam bidangkuasa Admiralty mahkamah itu.

Cara
menjalankan
bidangkuasa
Admiralty.

(2) Dalam hal sebarang tuntutan yang disebutkan dalam bab 3(2)(a), (c) atau (r) atau sebarang persoalan yang disebutkan dalam bab 3(2)(b), suatu tindakan in rem boleh diambil di Mahkamah Tinggi terhadap kapal atau harta itu yang berhubung dengannya tuntutan atau persoalan itu berbangkit.

(3) Dalam sebarang hal di mana terdapat suatu lien kelautan atau cagaran lain ke atas sebarang kapal, pesawat udara atau harta lain bagi amaun yang dituntut, suatu tindakan in rem boleh diambil di Mahkamah Tinggi terhadap kapal, pesawat udara atau harta itu.

(4) Dalam hal sebarang tuntutan yang disebutkan dalam bab 3(2)(e) hingga (q), jika –

(a) tuntutan itu berbangkit berhubung dengan sesebuah kapal ; dan

(b) orang yang akan bertanggungan atas tuntutan itu dalam suatu tindakan in personam ("orang yang berkaitan") adalah, apabila alasan tindakan berbangkit, pemilik atau pencatar, atau yang memiliki atau mengawal, kapal itu,

suatu tindakan in rem boleh (sama ada atau tidak tuntutan itu menimbulkan suatu lien kelautan ke atas kapal itu) diambil di Mahkamah Tinggi terhadap –

(i) kapal itu, jika pada masa apabila tindakan itu diambil orang yang berkaitan adalah sama ada pemilik berfaedah kapal itu tentang semua saham di dalamnya atau pencatarnya di bawah suatu catar dengan demis ; atau

(ii) sebarang kapal lain di mana, pada masa apabila tindakan itu diambil, orang yang berkaitan adalah pemilik berfaedah tentang semua saham di dalamnya.

(5) Dalam hal suatu tuntutan yang bersifat penundaan atau pemaliman berkaitan dengan sesebuah pesawat udara, suatu tindakan in rem boleh diambil di Mahkamah Tinggi terhadap pesawat udara itu jika, pada masa apabila tindakan itu diambil, ia dimiliki dengan cara mendapat faedah oleh orang yang akan bertanggungan atas tuntutan itu dalam suatu tindakan in personam.

(6) Jika, pada menjalankan bidangkuasa Admiraltinya, Mahkamah Tinggi memerintahkan supaya sebarang kapal, pesawat udara atau harta lain dijual, Mahkamah itu hendaklah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan sebarang persoalan yang berbangkit tentang hakmilik terhadap hasil jualan.

(7) Dalam memutuskan bagi maksud ceraian-ceraian (4) dan (5) sama ada seseorang akan bertanggungan atas suatu tuntutan dalam suatu tindakan in personam maka hendaklah dianggap bahawa dia mempunyai tempat kediaman biasanya atau suatu tempat perniagaan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(8) Jika, berhubung dengan sebarang tuntutan yang disebutkan dalam bab 3(2)(e) hingga (q), sesebuah kapal telah disampaikan dengan suatu writ atau ditahan dalam suatu tindakan in rem yang diambil untuk menguatkuasakan tuntutan itu, kapal lain tidaklah boleh disampaikan dengan suatu writ atau ditahan dalam tindakan in rem itu atau sebarang tindakan lain in rem yang diambil untuk menguatkuasakan tuntutan itu ; tetapi ceraian ini tidak menghalang pengeluaran, berkaitan dengan mana-mana satu tuntutan itu, suatu writ yang menamakan lebih daripada sebuah kapal atau dua writ atau lebih setiap satu menamakan kapal yang berlainan.

5. (1) Bab ini dikenakan kepada sebarang tuntutan kerana kerosakan, kehilangan nyawa atau kecederaan diri yang berbangkit dari –

Tindakan
in personam.

- (a) suatu pelanggaran di antara kapal-kapal ;
- (b) pelaksanaan, atau tidak melaksanakan, suatu pengendalian dalam hal salah sebuah atau lebih daripada dua buah kapal atau lebih ; atau
- (c) tidak mematuhi, di pihak salah sebuah atau lebih daripada dua buah kapal atau lebih, peraturan-peraturan pelanggaran.

(2) Mahkamah Tinggi hendaklah tidak melayan sebarang tindakan in personam untuk menguatkuasakan suatu tuntutan yang dikenakan bab ini melainkan jika –

- (a) defendan mempunyai tempat kediaman biasanya atau suatu tempat perniagaan di dalam Negara Brunei Darussalam ;
- (b) alasan tindakan berbangkit di dalam perairan darat Negara Brunei Darussalam atau di dalam kawasan pelabuhan Negara Brunei Darussalam ; atau

- (c) suatu tindakan yang berbangkit dari kejadian atau siri kejadian yang sama diteruskan di mahkamah itu atau telah didengar dan diputuskan di mahkamah itu.

Dalam ceraian ini –

"perairan darat" termasuk mana-mana bahagian laut bersempadan dengan pesisir Negara Brunei Darussalam yang diperakui oleh Menteri sebagai perairan yang menurut undang-undang antarabangsa kena disifatkan sebagai di dalam kedaulatan wilayah Kebawah Duli Yang Maha Mulia selain kuatkuasa undang-undang itu berkenaan dengan perairan wilayah ;

"pelabuhan" bermakna mana-mana pelabuhan, pengkalan kapal, sungai, muara, tempat berlabuh, limbungan, terusan atau tempat lain selagi seseorang atau kumpulan orang diberi kuasa menurut atau di bawah sebarang undang-undang untuk mengadakan bayaran berkaitan dengan kapal-kapal yang memasukinya atau menggunakan kemudahan di dalamnya, dan "kawasan pelabuhan" bermakna kawasannya sebagaimana yang ditetapkan oleh atau di bawah undang-undang berkenaan ;

"bayaran" bermakna sebarang bayaran kecuali bayaran rumah api, bayaran rumah api tempatan dan sebarang bayaran lain berkaitan dengan rumah api, boyai atau matarah dan bayaran berkaitan dengan pemaliman.

(3) Mahkamah Tinggi hendaklah tidak melayan sebarang tindakan in personam untuk menguatkuasakan suatu tuntutan yang dikenakan bab ini sehingga sebarang prosiding yang dahulunya diambil oleh plaintiff di mana-mana mahkamah di luar Negara Brunei Darussalam terhadap defendant yang sama berkaitan dengan kejadian atau siri kejadian yang sama telah dihentikan ataupun sebaliknya ditamatkan.

(4) Ceraian-ceraian (2) dan (3) hendaklah dikenakan kepada tuntutan balas (kecuali tuntutan balas dalam prosiding yang berbangkit dari kejadian atau siri kejadian yang sama) sebagaimana ia dikenakan kepada tindakan, sebutan kepada plaintiff dan defendant bagi maksud ini dibaca sebagai sebutan kepada plaintiff atas tuntutan balas dan defendant kepada tuntutan balas masing-masing.

(5) Ceraian-ceraian (2) dan (3) hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang tindakan atau tuntutan balas jika defendant kepada tindakan atau tuntutan balas itu patuh atau telah bersetuju untuk patuh pada bidangkuasa mahkamah itu.

(6) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ceraian (3), Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidangkuasa untuk melayan suatu tindakan in personam bagi menguatkuasakan suatu tuntutan yang dikenakan bab ini apabila sebarang syarat yang dinyatakan dalam ceraian-ceraian (2)(a) hingga (c) dipenuhi, dan aturan-aturan mahkamah berkenaan dengan penyampaian saman di luar bidangkuasa hendaklah membuat peruntukan yang didapati bersesuaian oleh pihak berkuasa yang membuat aturan dengan memberi perhatian kepada peruntukan-peruntukan ceraian ini.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menghalang suatu tindakan yang diambil menurut peruntukan-peruntukan bab ini di Mahkamah Tinggi dipindahkan, menurut undang-undang bagi maksud itu, ke mahkamah lain.

(8) Bagi mengelakkkan keraguan adalah dengan ini diisyiharkan bahawa bab ini dikenakan berhubung dengan bidangkuasa Mahkamah Tinggi yang bukannya bidangkuasa Admiralti, dan juga berhubung dengan bidangkuasa Admiraltinya.

6. Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai sebagai mahkamah harta rampasan laut –

- (a) semua bidangkuasa yang diberikan kepadanya oleh sebarang undang-undang berkenaan dengan harta rampasan laut ; dan
- (b) semua bidangkuasa lain di laut lepas dan di tempat lain yang dipunyainya sebagai mahkamah harta rampasan laut sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini.

Bidangkuasa
harta
rampasan laut.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rabiulakhir tahun Hijrah 1417 bersamaan dengan 12 haribulan September tahun Masihi 1996 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM